

MEMO

PERKARA : HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT) SELANGOR TAHUN 2026
DARIPADA : JABATAN BANTUAN PENDIDIKAN
KEPADA : SISWA/SISWI UNIVERSITI SELANGOR
RUJUKAN : UNISEL/HEP26/303D-SA/JBP (01) **TARIKH : 16 MAC, 2026**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT) Selangor adalah inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan bantuan sebanyak RM1,000 kepada anak-anak Selangor dari keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah. Bantuan ini khusus untuk pelajar tahun pertama yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan, dari peringkat Sijil Kemahiran Tahap 4, Diploma, dan Ijazah Sarjana Muda.

Permohonan HPIPT tahun 2026 akan bermula pada 15 Mac - 14 April 2026. Permohonan hanya **secara online** dan tiada sebarang serahan dokumen secara fizikal di kaunter HPIPT. Permohonan yang dilakukan selepas tarikh tutup tidak akan diproses.

Syarat-Syarat Kelayakan HPIPT:

Kewarganegaraan: Pemohon, ibu, dan bapa mestilah warganegara Malaysia.

Kriteria Rakyat Selangor:

- i. Pemohon lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
- ii. Ibu atau bapa pemohon lahir dan menetap di Negeri Selangor; atau
- iii. Pemohon bermastautin dan bersekolah di Negeri Selangor selama 11 tahun, dan ibu atau bapa telah bermastautin dan menetap di Negeri Selangor selama 11 tahun.

Pengajian: Pemohon ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian sepenuh masa di IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

Pendaftaran: Pemohon telah mendaftarkan diri di IPT untuk memulakan sesi pengajian.

Tahun Pertama: Permohonan adalah untuk pelajar tahun pertama sahaja.

**Pelajar tahun pertama yang baru mendaftar, boleh memohon HPIPT pada tahun berikutnya.*

SPM: Pemohon mestilah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pendapatan Isi Rumah: Pendapatan isi rumah ibu, bapa, atau penjaga pemohon berjumlah RM5,000 dan ke bawah.

Permohonan: Permohonan yang tidak lengkap akan dikategorikan sebagai permohonan gagal.

Pembayaran Sekali: Setiap permohonan hanya layak dibayar sekali sepanjang pengajian, sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma sahaja.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Urus Setia Unit Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (HPIPT), Tingkat 3, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan ditalian 03-55212515/03-55447480 atau Jabatan Bantuan Pendidikan UNISEL ditalian 03-5522347/3479 (Shah Alam) 03-32805027/5026 (Bestari Jaya).

Memo ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

HAL EHWAL PELAJAR (HEP)
STUDENT AFFAIRS

Bestari Jaya Campus: Jalan timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 3280 5030 / +603 3289 8281 Fax: +603 3289 8812

Shah Alam City Campus: Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 5522 3521 Fax: +603 5511 4596

Sumber:

<https://danapendidikan.selangor.gov.my/>



PERMOHONAN HADIAH PENGAJIAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (HPIPT) TAHUN 2026

PEMBERIAN SECARA “ONE-OFF”
KHUSUS UNTUK ANAK SELANGOR *

PERMOHONAN DIBUKA PADA
15 MAC 2026 - 14 APRIL 2026



**SYARAT
PERMOHONAN**

**DAFTAR
PERMOHONAN**

NOTA PENTING !

- SILA BACA SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DENGAN TELITI SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN
- PERMOHONAN YANG DILAKUKAN SELEPAS TARIKH TUTUP TIDAK AKAN DIPROSES
- PERMOHONAN ADALAH SECARA *ONLINE* SAHAJA DAN TIADA SERAHAN DOKUMEN SECARA FIZIKAL DI KAUNTER

*Tertakluk kepada terma dan syarat permohonan

